

# Lawatan Anwar pacu hubungan KL, Hanoi

Perdana Menteri  
diberi sambutan  
rasmi rakan  
sejawat  
di Istana Presiden

**Hanoi:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tiba di Hanoi, semalam, untuk lawatan rasmi dua hari ke Vietnam atas jemputan rakan sejawat, Pham Minh Chinh.

Pesawat khas membawa Perdana Menteri dan isteri selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai, di sini, pada jam 1 tengah hari (waktu tempatan).

Mereka disambut Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam yang juga Menteri Pengiring, Nguyen Van Hung, serta Menteri Luar Malaysia, Da-


tuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, bersama isteri, Datin Seri Sarah Zulkifli.

Yang turut hadir menyambut Perdana Menteri dan isteri di lapangan terbang itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin.

Anwar dijadual diberikan sambutan rasmi oleh Chinh di Istana Presiden sebelum kedua-dua pemimpin itu mengadakan mesyuarat bilateral di Government Office.

Selepas mesyuarat bilateral itu, Perdana Menteri dijadual menyaksikan pemeteraian Memorandum Kerjasama antara Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dengan Dewan Perniagaan dan Industri Vietnam (VCCI).

Perdana Menteri serta rakan sejawat juga akan dijadualkan menyaksikan majlis menandatangani pengesahan dokumen minit hasil Mesyuarat Ke-7 Suruhanjaya Bersama Ekonomi, Sainifik dan Kerjasama Teknologi (JJCM-7) antara Malaysia de-



Anwar diiringi Chinh memeriksa kawalan kehormat pada sambutan rasmi di Istana Presiden, semalam.

(Foto BERNAMA)

ngan Vietnam.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam (CPV), Nguyen Phu Trong, di ibu pejabat CPV petang semalam.

Anwar juga akan menghadiri jamuan makan malam rasmi dihoskan Chinh di Government Office.

Hari ini, Anwar dijadualkan menghadiri forum Perniagaan Malaysia-Vietnam sebelum ke Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri bersama diaspora Malaysia di Hanoi.

Anwar juga dijadual mengadakan kunjungan hormat dengan Pengerusi Dewan Rakyat Vietnam, Vong Dinh Hue, di Bangunan Dewan Rakyat, sebelum ke Book Street di Dinh Le Street di mana beliau dan rakan sejawat akan bertukar-tukar buku, diikuti menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Al Noor.

Beliau juga akan mengadakan kunjungan hormat dengan Pre-

siden Vietnam, Vo Van Thuong, di Istana Presiden, diikuti sidang media bersama media Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Vietnam adalah negara ASEAN yang kelapan dikunjungi Anwar sejak beliau dilantik sebagai Perdana Menteri, November tahun lalu.

## Cari peluang perniagaan

Sementara itu, Duta Malaysia ke Vietnam, Datuk Tan Yang Thai dalam temu bual dengan Agensi Berita Vietnam (VNA) berkata, hubungan Vietnam-Malaysia berkembang dengan baik.

"Saya berharap lawatan ini akan dapat memacu lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, terutama dari segi ekonomi kerana ada begitu banyak usaha boleh dilakukan. Kedua-dua negara boleh bekerjasama untuk manfaat bersama," katanya.

Sambil menekankan peranan

komuniti perniagaan untuk mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara, Yang Thai berkata, lebih banyak syarikat Malaysia akan datang ke Vietnam dan mencari peluang perniagaan.

Mengenai sektor kerjasama berpotensi pula, beliau berkata, pasaran halal tidak diberi perhatian sewajarnya di Vietnam.

"Pada satu forum perniagaan yang dijadual diadakan sebagai sebahagian daripada lawatan Anwar, syarikat Vietnam akan berpeluang meneliti konsep halal," katanya.

Beliau menegaskan, Malaysia bersedia menawarkan bantuan membangunkan produk halal dan turut serta dalam pasaran berpotensi besar.

"Syarikat perniagaan Vietnam juga berpeluang mempelajari lebih banyak konsep halal pada acara perniagaan yang akan dianjurkan sebagai sebahagian daripada lawatan Anwar," katanya. BERNAMA